

**Ekonomi Malaysia Berkembang 4.5 Peratus Tahun Depan, Kata HLIB Research Bernama
06 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar sederhana 4.5 peratus tahun depan, kebanyakannya berikutan permintaan global dan unjuran komoditi yang lemah.

Hong Leong Investment Bank (HLIB) Research berkata sementara ia yakin penggabungan projek-projek (pembinaan dan minyak dan gas) akan membantu meningkatkan sumber pertumbuhan tempatan, permintaan global yang lemah, terutamanya bagi komoditi, dijangka memberi tekanan kepada sektor luaran Malaysia.

"Bagi sektor dagangan, kami menjangka harga eksport komoditi untuk menerima tekanan pada 2013, berikutan permintaan global yang lemah, terutamanya dari China.

"Dengan jangkakan harga komoditi yang rendah pada 2013, eksport Malaysia akan turut terjejas," kata firma penyelidikan itu dalam Laporan Unjuran Ekonomi 2013 di sini Selasa.

Ketika membentangkan Belanjawan 2013 di Parlimen pada September, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan kerajaan menjangka ekonomi Malaysia untuk meningkat daripada 4.5 peratus kepada 5.5 peratus.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707508>